




**INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PERAI, PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), adalah dipelawa untuk menyertai tawaran sebutharga berikut:

BIL	NO. SEBUT HARGA / TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN BIDANG	TARIKH & MASA (TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK)	TARIKH DAN MASA TUTUP
1.	<b>ILP PERAI.400-5/7/1 (2)</b>  KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BANGUNAN BAGI TAHUN 2024 DI INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PERAI, JABATAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA.  <i>HARGA INDIKATIF JABATAN ADALAH RM217,000.00</i>	i. Berdaftar dengan CIDB (Gred G2) ii. Pengkhususan B04 & B15 iii. NEGERI PULAU PINANG.	<b>23 JULAI 2024 (SELASA) 10.00 PAGI</b>  <b>TEMPAT:</b> BILIK MESYUARAT, ILP PERAI  <b>PENDAFTARAN:</b> 09.30 - 10.00 PAGI	<b>30 JULAI 2024 (SELASA) 12.00 TGH</b>

2. Dokumen Tawaran akan diedarkan secara '*hard copy*' pada **TARIKH DAN MASA** yang telah ditetapkan. Dokumen tawaran adalah **SULIT** dan **TERHAD** kepada pembekal yang **BERDAFTAR MENGIKUT KELAYAKAN BIDANG SEPERTI TERTERA DI ATAS, DAN MENGHADIRI SESI TAKLIMAT SERTA LAWATAN TAPAK**. Tiada apa-apa bayaran dikenakan untuk Dokumen Tawaran.
3. Hanya penama pada Sijil Pendaftaran CIDB sahaja yang **LAYAK** menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak, bagi sebut harga ini. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai/individu selain daripada penama berdaftar. Syarikat yang **tidak hadir** atau **lewat** tidak akan dibenarkan menyertai sebut harga ini. Syarikat perlu membawa sijil asal DAN salinan Sijil Akuan Pendaftaran (CIDB, PPK, SPKK dan STB), semasa mengambil Dokumen Tawaran. Salinan sijil **tidak** akan dikembalikan.
4. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di **Pejabat Pentadbiran ILP Perai** pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan di atas. ILP Perai tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan dan kehilangan mana-mana tawaran yang dihantar melalui pos.
5. Keputusan Sebut Harga adalah muktamad dan diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Tenaga Manusia serta tidak terikat dengan tawaran harga yang terendah atau mana-mana tawaran.
6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan sebutharga ini tuan/puan bolehlah menghubungi **Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan Aset (BPPA)** di talian no: **04-390 7335**.

  
**(Ts. YUSLAN BIN YASOK)**

Pengarah,  
Institut Latihan Perindustrian Perai,  
Pulau Pinang

Tarikh : 18 Julai 2024